A

PP lwn. AHMAD SAZALI MD DESA

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
KAMARDIN HASHIM H
[RAYUAN JENAYAH NO: 42LB(A)-150-11-2011]
12 FEBRUARI 2015

B

PROSEDUR JENAYAH: *Rayuan – Rayuan terhadap pelepasan dan pembebasan – Rasuah – Pertuduhan menerima wang suapan – Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, s. 17(a) – Hakim Mahkamah Sesyen memutuskan pihak pembelaan gagal membuktikan kes prima facie – Tertuduh dilepaskan dan*
C *dibebaskan tanpa dipanggil membela diri – Keputusan Mahkamah Sesyen disahkan oleh Mahkamah Tinggi – Mahkamah Rayuan memutuskan wujud kes prima facie dan memerintahkan tertuduh membela diri di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen yang sama – Hakim Mahkamah Sesyen tidak bersetuju dengan perintah Mahkamah Rayuan agar pembelaan dipanggil – Tertuduh dilepaskan dan*
D *dibebaskan sekali lagi – Sama ada Hakim Mahkamah Sesyen tersalah arah dalam melepaskan dan membebaskan tertuduh – Sama ada Hakim Mahkamah Sesyen terikat dengan keputusan awal – Sama ada Hakim Mahkamah Sesyen bertindak wajar dalam mempersoalkan keputusan Mahkamah Rayuan*

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Rasuah – Memperoleh wang suapan – Akta*
E *Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, s. 17(a) – Pekerja-pekerja pengadu ditahan oleh pihak polis kerana tamat tempoh permit – Pegawai polis bertugas meminta bayaran RM2,000 bagi penyerahan laporan, pasport dan pembebasan pekerja-pekerja – Pengadu membuat aduan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ('SPRM') – SPRM menyediakan wang perangkap yang bertanda*
F *– Sama ada pegawai polis mengambil wang perangkap yang diberikan oleh pengadu – Sama ada tukaran tangan wang perangkap terbukti – Sama ada kes pendakwaan berjaya dibuktikan – Sama ada pembelaan berjaya membangkitkan keraguan munasabah*

G Dua orang pekerja pengadu ('SP6') telah ditangkap dan ditahan di balai polis kerana tamat tempoh permit. SP6 bertemu dengan responden selaku pegawai penyiasat dan responden menuntut bayaran sebanyak RM2,000 bagi penyerahan laporan, pasport dan pembebasan kedua-dua pekerja tersebut. SP6 membuat aduan di Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ('SPRM'). Dalam perbualan telefon yang dirakam oleh pihak SPRM, responden
H menyuruh SP6 berjumpa dengannya. Pada hari yang ditetapkan, satu pasukan serbuan diatur oleh pihak SPRM dan wang perangkap sebanyak RM2,000 yang bertanda ('P10') disediakan. SP6, bersama-sama seorang pegawai SPRM ('SP1'), bertemu dengan responden dan SP6 meminta responden melepaskan pekerja-pekerjanya tetapi responden menjawab bahawa mereka
I akan dibebaskan setelah SP6 membuat bayaran yang diminta oleh responden. SP6 menghulurkan P10 kepada responden dan responden memasukkan P10 di dalam laci mejanya. SP1 memberi isyarat bahawa P10 telah bertukar

tangan dan pasukan SPRM menyerbu masuk. Responden dituduh di Mahkamah Sesyen di bawah s. 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ('Akta SPRM') kerana dikatakan memperoleh wang suapan sebanyak RM2,000 sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan dan melepaskan dua orang pekerja SP6. Di akhir kes pendakwaan, Hakim Mahkamah Sesyen ('hakim bicara') mendapati bahawa pihak pendakwaan gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap responden dan seterusnya melepaskan dan membebaskan responden daripada pertuduhan tanpa dipanggil untuk membela diri. Rayuan pihak pendakwaan ke Mahkamah Tinggi ditolak dan rayuan yang seterusnya dibuat di Mahkamah Rayuan dibenarkan. Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa wujud satu kes *prima facie* dan responden diperintahkan membela diri di hadapan hakim bicara yang sama. Hakim bicara tidak bersetuju dengan perintah oleh Mahkamah Rayuan agar pembelaan dipanggil dan bahawa anggapan di bawah s. 50(1) Akta SPRM terpakai. Sekali lagi, hakim bicara melepaskan dan membebaskan responden daripada pertuduhan. Oleh itu, rayuan ini. Pihak pendakwaan menghujahkan bahawa walaupun Mahkamah Rayuan telah membenarkan rayuan pihak pendakwaan dan memerintahkan agar pembelaan responden dipanggil, hakim bicara masih berpegang pada keputusan beliau untuk membebaskan responden daripada pertuduhan.

Diputuskan (mengetepikan keputusan Mahkamah Sesyen; mensabitkan responden atas pertuduhan):

(1) Hakim bicara tidak wajar mempersoalkan keputusan Mahkamah Rayuan yang memutuskan bahawa pihak pendakwaan berjaya membuktikan satu kes *prima facie* dan memerintahkan pembelaan responden dipanggil. Mahkamah Rayuan telah campur tangan dan mengubah dapatan dan keputusan yang dibuat oleh seorang Hakim Mahkamah Sesyen. Ini menunjukkan bahawa dapatan dan keputusan hakim bicara yang kemudiannya disahkan oleh Hakim Mahkamah Tinggi telah terkhilaf. (perenggan 19)

(2) Setelah Mahkamah Rayuan membenarkan rayuan pihak pendakwaan dan memerintahkan pembelaan responden dipanggil, hakim bicara tidak lagi terikat dengan keputusan awal beliau. Hakim bicara juga tidak wajar mengguna pakai alasan yang sama yang telah diberikan semasa melepaskan dan membebaskan responden pada pertama kali. Hakim bicara tidak boleh terpengaruh atau dipengaruhi oleh alasan lama beliau sebelum Mahkamah Rayuan membenarkan rayuan pihak pendakwaan. (perenggan 21)

(3) Hakim bicara tersalah arah mengenai beban pembuktian dan juga gagal mematuhi keputusan mahkamah atasan yang membuat keputusan wujud kes *prima facie* terhadap responden. Hakim bicara juga terkhilaf pada peringkat akhir kes pendakwaan apabila memutuskan anggapan tidak

terpakai secara automatik sedangkan terdapat keterangan kukuh melalui SP6 yang disokong oleh keterangan SP1 bahawa P10 telah diserahkan ke tangan responden dan wang yang sama kemudiannya diperolehi dari dalam bilik yang didiami oleh responden bersama dua orang lagi. (perenggan 23)

(4) Pembelaan responden sebenarnya gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kebenaran kes pendakwaan. Hakim bicara tersalah arah dalam menilai dan menerima keterangan membela diri responden sedangkan pembelaan responden bersifat penafian dan fikiran terkemudian. Hakim bicara seterusnya menyatakan ada keraguan terhadap penyerahan P10 oleh SP6 sedangkan SP1 telah menyaksikan penyerahannya. Tambahan lagi, Mahkamah Rayuan berpuas hati bahawa kes *prima facie* berjaya dibuktikan. (perenggan 32)

(5) Keputusan hakim bicara dalam melepaskan dan membebaskan responden daripada pertuduhan bertentangan dengan keberatan keterangan yang dikemukakan di hadapan hakim bicara. Hakim bicara gagal membuat pertimbangan maksima keseluruhan keterangan yang ada dalam mencapai keputusan yang tidak menyebelahi pihak pendakwaan dalam kes ini. Hakim bicara mengguna pakai prinsip undang-undang dengan salah dan telah tersalah arah dalam banyak perkara terutamanya mengenai beban pembuktian. Keputusan hakim bicara dalam melepaskan responden tidak dapat dipertahankan. (perenggan 41)

(6) Pihak pendakwaan berjaya membuktikan pertuduhan terhadap responden melampaui sebarang keraguan munasabah. Keputusan hakim bicara diketepikan dan digantikan dengan keputusan bahawa responden didapati bersalah dan disabitkan atas pertuduhan. Responden dijatuhkan hukuman penjara dua tahun dan denda RM10,000 jika gagal lima bulan penjara. Hukuman ditangguhkan sehingga rayuan responden di Mahkamah Rayuan dilupuskan. (perenggan 42 & 43)

Kes-kes yang dirujuk:
Attan Abdul Gani v. PP [1969] 1 LNS 12 HC ***(refd)***
Che Din Ahmad v. PP [1975] 1 LNS 7 HC ***(refd)***
Gan Too Cheh v. PP [2006] SGHC 23 ***(refd)***
Md Razib Othman v. PP (Criminal Appeal No. 42A-29-2001) (unreported) ***(refd)***
PP lwn. Sulaiman Saidin [2010] 1 CLJ 184 CA ***(refd)***
PP v. Ku Yahya Ku Bahari & Anor [2002] 1 CLJ 113 CA ***(refd)***
Thavanathan Balasubramaniam v. PP [1997] 3 CLJ 150 FC ***(refd)***
Yusoff Kassim v. PP [1992] 3 CLJ 1535; [1992] 1 CLJ (Rep) 376 SC ***(refd)***

Perundangan yang dirujuk:
Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009, ss. 50(1), 52(1), (2)

Bagi pihak perayu - Afifah Yusof; TPR
Bagi pihak responden - Nik Mohd Ikhwan Nik Mahamud; T/n Nik Ikhwan & Co

Dilaporkan oleh Najib Tamby

PENGHAKIMAN

Kamardin Hashim H:

Pendahuluan

[1] Responden telah dihadapkan dengan satu pertuduhan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta SPRM 2009) di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur. Pertuduhan terhadap responden adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 30.11.2010, jam lebih kurang 12.00 tengahari, di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah, Tingkat 3, Blok B, Balai Polis Pudu, dalam daerah Cheras, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, sebagai ejen Kerajaan Malaysia, iaitu Sarjan RF/82269 yang bertugas di Bahagian Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Daerah Cheras, Kuala Lumpur, telah secara rasuah memperoleh untuk diri kamu satu suapan, iaitu wang tunai RM2,000.00 daripada Liau Huat @ Liow Kim Huat, sebagai dorongan untuk tidak melakukan suatu perbuatan berhubung dengan hal ehwal principal kamu, iaitu, tidak mengambil tindakan dan melepaskan dua orang pekerja Liau Huat @ Liow Kim Huat yang ditahan di bawah seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen, dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan boleh dihukum di bawah seksyen 24 Akta yang sama.

[2] Responden mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan yang dibacakan dan meminta untuk dibicarakan.

[3] Di akhir penutupan kes pihak pendakwaan, Puan Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana (hakim bicara) telah melepas dan membebaskan responden dari pertuduhan dengan tanpa dipanggil untuk membela diri. Alasan hakim bicara membebaskan responden adalah bahawa pihak pendakwaan dikatakan telah gagal untuk membuktikan kes *prima facie* terhadap responden atas pertuduhan.

[4] Pihak pendakwaan telah merayu ke Mahkamah Tinggi terhadap perintah pembebasan responden tersebut. YA Hakim Mahkamah Tinggi, Puan Amelia Tee Abdullah telah menolak rayuan pihak pendakwaan dan mengesahkan perintah pelepasan dan pembebasan yang dibuat oleh hakim bicara.

[5] Pihak pendakwaan seterusnya memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan terhadap penolakan tersebut. Panel Hakim Mahkamah Rayuan yang dipengerusikan oleh YA Dato' Azahar Mohamed HMR (sekarang HMP), telah membenarkan rayuan pihak pendakwaan. Panel Hakim Mahkamah Rayuan telah membuat keputusan bahawa wujud satu kes *prima facie* terhadap responden atas pertuduhan yang dihadapkan. Responden telah diperintahkan untuk membela diri di hadapan hakim bicara yang sama.

[6] Setelah mendengar pembelaan responden, hakim bicara yang sama telah sekali lagi melepas dan membebaskan responden atas pertuduhan. Antara alasan yang telah diberikan oleh hakim bicara tersebut adalah bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan satu kes *prima facie* di peringkat kes pendakwaan lagi, iaitu, alasan yang sama semasa pertama kali melepas dan membebaskan responden dari pertuduhan.

[7] Pihak pendakwaan sekarang sekali lagi merayu ke mahkamah ini terhadap perintah pelepasan dan pembebasan responden oleh hakim bicara yang bijaksana tersebut.

Latar Belakang Fakta Kes

[8] Secara ringkasnya fakta kes adalah seperti berikut. Kejadian bermula apabila saksi SP6 telah pada 23 November 2010 menerima satu panggilan telefon dari pihak polis mengatakan dua orang pekerja SP6 telah ditangkap kerana permit tamat tempoh dan ditahan di Balai Polis Salak Selatan. Anggota polis tersebut meminta SP6 untuk datang ke balai pada tengah hari hari yang sama. SP6 terus bergegas dari Tanjong Malim ke Balai Polis Salak Selatan tetapi pihak polis menyatakan SP6 telah terlewat untuk sampai.

[9] SP6 terus pergi ke Pejabat Imigresen di Putrajaya pada keesokan harinya untuk bertanya mengenai kelewatan kelulusan permit kerja dua orang pekerja beliau. Pegawai Imigresen yang ditemui di kaunter No. 9 telah meminta SP6 untuk pergi mendapatkan laporan dan juga pasport dua orang pekerja yang sedang ditahan di balai dari pihak polis. Pada 25 November 2010, SP6 telah pergi semula ke Balai Polis Salak Selatan untuk mendapatkan laporan dan pasport dua pekerja beliau. Tiba di balai tersebut, SP6 telah diminta untuk berjumpa dengan pegawai penyiasat kes berkenaan untuk mendapatkan dokumen-dokumen tersebut. SP6 telah diberikan secebis kertas (ID13) tertulis nama pegawai penyiasat berkenaan, iaitu, nama responden.

[10] Pada 27 November 2010, SP6 telah pergi sekali lagi ke Balai Polis Salak Selatan untuk berjumpa dengan pegawai penyiasat berkenaan. SP6 menyatakan beliau telah bertemu dengan responden di pejabat dan responden telah meminta bayaran untuk SP6 mendapatkan semula dua pasport pekerja beliau serta laporan yang diminta oleh pihak Imigresen. SP6 menyatakan bayaran yang diminta oleh responden adalah mahal dan responden dikatakan telah bersetuju untuk menerima bayaran RM2,000 untuk menyerahkan laporan dan dua pasport bersama dua pekerja yang ditahan oleh responden. Masa pertemuan pertama itu hanya SP6 seorang diri bersama dengan responden.

[11] Selepas berbincang dengan rakan kongsi perniagaan beliau mengenai permintaan wang oleh responden, SP6 menyatakan mereka tidak melakukan sebarang kesalahan, mengapa perlu membuat bayaran kepada responden. Pada 29 November 2010, SP6 sekali lagi pergi berjumpa responden di pejabat responden di balai polis yang sama. Dalam pertemuan kedua ini, SP6 menyuarakan perasaan tidak puas hati dengan permintaan wang oleh responden dan penahanan dua pekerjanya oleh pihak polis. Semasa pertemuan itu, telah berlaku sedikit pertengkaran di antara SP6 dengan responden.

[12] Pada jam 3 petang hari yang sama (29 November 2010), setelah berbincang dengan rakan kongsi, SP6 terus ke pejabat SPRM di Taman Maluri untuk membuat pengaduan. SP6 telah membuat report P2. Selepas percakapan SP6 diambil, SP6 telah diminta oleh pegawai SPRM untuk datang semula ke pejabat SPRM pada keesokan harinya untuk membuat rakaman perbualan telefon dengan responden. Pada 30 November 2010 jam 9 pagi, SP6 telah bertemu dengan pegawai SPRM yang telah merakamkan perbualan telefon antara SP6 dengan responden. Antara rakaman perbualan telefon tersebut, responden menyatakan SP6 boleh berjumpa dengannya selepas jam 12 tengah hari pada hari tersebut di Balai Polis Pudu.

[13] Satu pasukan serbuan telah diatur oleh pihak SPRM. Wang perangkap (P10) yang bertanda telah diserahkan kepada SP6 berjumlah RM2,000. Tiba di Balai Polis Pudu, SP6 bersama seorang pegawai SPRM (SP1) telah masuk bertemu dengan responden yang berada dalam sebuah bilik. SP6 telah meminta responden supaya melepaskan dua pekerja beliau yang ditahan oleh pihak polis. Responden telah menjawab bahawa dua pekerja tersebut hanya akan dibebaskan setelah SP6 membuat bayaran yang diminta oleh responden. SP6 terus mengambil wang bertanda di dalam poket seluar dan menghulurkan wang tersebut kepada responden. Responden terus mengambil wang tersebut dari tangan kanan SP6 dan responden terus memasukkan wang tersebut ke dalam laci meja beliau. SP6 dan SP1 kemudian terus keluar dari bilik responden. Di luar bilik, SP6 terus memberi beg sandang beliau kepada SP1 sebagai isyarat wang bertanda telah bertukar tangan. Pegawai SPRM terus menyerbu masuk ke dalam bilik responden apabila melihat isyarat yang diberikan oleh SP6. Keterangan SP6 mengenai perbincangan antara SP6 dengan responden dan penyerahan wang bertanda telah disokong oleh keterangan pegawai SPRM, saksi SP1.

[14] Beberapa pegawai SPRM termasuk SP5 dan SP9 terus masuk menyerbu ke dalam bilik di mana responden berada. Pasukan serbuan SPRM tersebut telah membuat pemeriksaan dan akhirnya telah menjumpai wang RM2,000 di dalam sebuah beg CD yang terletak di atas sebuah TV di dalam bilik tersebut. Responden terus ditahan apabila wang itu disahkan sebagai wang perangkap yang bertanda yang telah diserahkan oleh SP6 sebelum itu kepada responden.

A **Petisyen Rayuan**

[15] Pihak perayu telah tidak berpuas hati dengan keputusan hakim bicara yang telah melepas dan membebaskan responden daripada pertuduhan setelah hakim bicara mendengar pembelaan responden seperti diarahkan oleh Mahkamah Rayuan. Pihak perayu telah memberikan 15 alasan mengapa
B keputusan hakim bicara wajar diketepikan dan digantikan dengan keputusan untuk mensabitkan responden atas pertuduhan. Pihak perayu menimbulkan isu bahawa keputusan hakim bicara dalam membebaskan responden adalah bertentangan dengan keseluruhan keterangan yang berada di hadapan hakim bicara tersebut.

C **[16]** Alasan-alasan rayuan perayu adalah seperti berikut (di ms. 3-8 rekod rayuan jld. 1):

(i) puan hakim yang bijaksana telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal memberikan pertimbangan yang sewajarnya
D terhadap keterangan saksi-saksi pendakwaan apabila memerintahkan agar responden dilepaskan dan dibebaskan di akhir kes pembelaan walaupun sebelum itu Mahkamah Rayuan telah memutuskan bahawa satu kes *prima facie* telah berjaya dibuktikan;

(ii) puan hakim yang bijaksana telah khilaf dari segi undang-undang dan
E fakta apabila melepaskan dan membebaskan responden di akhir kes pembelaan walaupun perayu telah berjaya membuktikan satu kes melampaui keraguan yang munasabah bagi pertuduhan ke atas responden;

(iii) puan hakim yang bijaksana telah khilaf dari segi undang-undang dan
F fakta apabila terlalu memberi pemberatan melampau ke atas pembelaan responden tanpa mengambil kira bahawa pembelaan tersebut hanyalah bersifat penafian semata-mata;

(iv) puan hakim yang bijaksana telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan bahawa pengemukaan exh. D21 bukanlah
G satu pembelaan yang direka dan bersifat "afterthought" walhal isu tersebut tidak pernah dicadangkan pada SP1 dan SP6 semasa soal balas di peringkat kes pendakwaan;

(v) puan hakim yang bijaksana telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan bahawa kegagalan pihak SPRM merampas
H exh. D21 pada hari kejadian telah menimbulkan banyak persoalan sedangkan D21 sememangnya tidak dibawa oleh SP6 sewaktu penyerahan wang tunai dan tidak pernah ditimbulkan sehinggalah SD1/responden memberikan keterangan di dalam mahkamah;

I (vi) puan hakim yang bijaksana telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila menerima keterangan pembelaan berkait isu pertengkaran mulut di antara SP6 dan responden sebagai inferens bahawa SP6 lah

yang telah menawarkan rasuah pada responden walhal isu tersebut tidak pernah dibangkitkan oleh pihak pembelaan sewaktu soal balas ke atas SP6;

(vii) puan hakim yang bijaksana telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan bahawa isu pertengkaran mulut di antara SP6 dan responden tidak pernah dicabar oleh pihak pendakwaan sedangkan ianya dicabar semasa soal balas ke atas SD1/responden;

(viii) puan hakim yang bijaksana telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila mengambil kira dakwaan bahawa SD2 dan SD3 telah mendengar pertengkaran mulut di antara SP6 dan responden sedangkan jelas bahawa keterangan pembelaan ini hanyalah rekaan semata-mata dan bersifat "afterthought";

(ix) puan hakim yang bijaksana telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan SP6 adalah saksi yang bermotif sakit hati/infamous motive terhadap responden walhal tiada asas atau keterangan yang membuktikan dapatan tersebut;

(x) puan hakim yang bijaksana telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal mengambil kira keterangan bahawa kegagalan responden melaporkan penawaran rasuah SP6 kepada beliau jelas membuktikan bahawa penawaran tersebut tidak wujud dan hanyalah rekaan responden semata-mata;

(xi) puan hakim yang bijaksana telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal mengambil kira bahawa keterangan SD1/responden berkait penawaran wang rasuah oleh SP6 tidak disokong oleh mana-mana keterangan yang lain;

(xii) puan hakim yang bijaksana telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan anggapan tidak terpakai memandangkan wang perangkap tidak diperolehi atau dijumpai pada badan responden atau laci meja walhal keterangan SP1 dan SP6 adalah jelas wang perangkap telah diterima oleh responden sewaktu penyerahan;

(xiii) puan hakim yang bijaksana telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan pembelaan responden telah berjaya mematahkan anggapan di bawah s. 50(1) Akta SPRM 2009 walhal pembelaan responden hanyalah bersifat penafian semata-mata dan tidak disokong oleh mana-mana saksi atau keterangan dokumenter;

(xiv) puan hakim yang bijaksana telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal mengambil kira keseluruhan keterangan yang dikemukakan secara total yang mana pembelaan responden tidak konsisten langsung dengan keterangan saksi pendakwaan bagi kesemua pertuduhan; dan

(xv) puan hakim yang bijaksana telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal mengambil kira keseluruhan keterangan saksi-saksi pendakwaan bagi kesemua pertuduhan.

Hujahan Dan Dapatan Mahkamah Ini

[17] Pihak perayu yang diwakili oleh TPR Hafifah Yusof dari SPRM, Putrajaya telah memfailkan hujahan bertulis dan ikatan otoriti sebagaimana yang telah diarahkan semasa peringkat pengurusan kes. Peguambela responden, Nik Mohamad Ikhwan bagaimanapun telah gagal untuk memfailkan sebarang hujahan bertulis. Sebaliknya peguambela yang terpelajar hanya berhujah secara lisan pada hari pendengaran rayuan ini.

[18] Puan TPR berhujah bahawa hakim bicara masih berpegang kepada keputusan beliau membebaskan responden atas alasan pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan satu kes *prima facie* terhadap responden atas pertuduhan yang dihadapkan. Walaupun Mahkamah Rayuan telah membenarkan rayuan pihak pendakwaan dan memerintahkan pembelaan responden dipanggil, hakim bicara masih mengatakan tidak ada kes *prima facie* dan anggapan di bawah s. 50(1) Akta SPRM 2009 tidak terpakai apabila membebaskan responden di akhir kes pembelaan. Hakim bicara turut tidak berpuas hati tidak mempercayai keterangan yang telah diberikan oleh pengadu, SP6 dan juga keterangan sokongan oleh pegawai SPRM (SP1) yang telah menyaksikan penyerahan wang bertanda oleh SP6 kepada responden.

[19] Pada pandangan mahkamah ini, hakim bicara tidak wajar dalam mempersoalkan keputusan Mahkamah Rayuan yang telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie* dan memerintahkan pembelaan responden dipanggil. Selaku mahkamah atasan yang diadili oleh satu panel terdiri dari tiga orang hakim yang bijaksana dan berpengalaman, tentunya sedar akan prinsip matan bahawa mahkamah atasan sepatutnya perlahan dalam mengubah dapatan dan keputusan mahkamah bawahan yang diadili oleh seorang hakim. Dalam kes ini, Mahkamah Rayuan telah campur tangan dan mengubah dapatan dan keputusan yang telah dibuat oleh seorang Hakim Mahkamah Sesyen menunjukkan bahawa dapatan dan keputusan hakim bicara itu yang kemudiannya disahkan oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi adalah telah terkhilaf.

[20] Dalam kes *Yusoff Kassim v. PP* [1992] 3 CLJ 1535; [1992] 1 CLJ (Rep) 376, YA Hakim Edgar Joseph Jr HMA dalam menyampaikan keputusan Mahkamah Agong, telah menyatakan seperti berikut:

> We recognised that the learned trial Judge had a great advantage, denied to this Court, of seeing and hearing the witnesses and the appellant testify. Be that as it may, there is a wealth of authority for the proposition that upon an issue depending upon oral evidence where there is plainly perjury on the one side or the other, a Court of Appeal ought to be greatly

> influenced by the opinion of the trial Judge, who has seen and heard the witnesses, except where he has failed to observe inconsistencies or to take account of material circumstances or probabilities. (See for example, *Khoo Sit Hoh & Ors. V. Lim Thean Tong* [1912] AC 93). An appellate Court can, therefore, in appropriate cases, act upon its own view of the conflicting evidence. [See *Coghlan v. Cumberland* [1898] 1 Ch D 704; *Bigsby v. Dickenson* [1976] 4 Ch D 24].

[21] Setelah Mahkamah Rayuan membenarkan rayuan pihak pendakwaan dan memerintahkan pembelaan responden dipanggil, hakim bicara tidak lagi terikat dengan keputusan awal beliau apabila memutuskan pihak pendakwaan gagal membuktikan kes *prima facie*. Hakim bicara juga tidak wajar mengguna pakai alasan yang sama yang telah diberikan semasa melepas dan membebaskan responden pada pertama kali. Hakim bicara juga tidak boleh terpengaruh atau dipengaruhi oleh alasan lama beliau sebelum Mahkamah Rayuan membenarkan rayuan pihak pendakwaan. Prinsip ini telah diputuskan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *PP lwn. Sulaiman Saidin* [2010] 1 CLJ 184; [2010] 3 MLJ 383 di mana YA Hakim Sulaiman Daud HMR dalam menyampaikan keputusan mahkamah tersebut telah memutuskan seperti berikut:

> [53] Ternyata kepada kami bahawa asas kepada kedua-dua alasan yang diberikan di atas berkisar kepada kegagalan pihak pendakwa memanggil pemberi maklumat sebagai saksi. Dalam hal ini, kami mendapati perlu untuk menekankan bahawa perkara ini juga telah dipertimbangkan oleh hakim bicara, dan malahan menjadi asas utama keputusannya, di akhir kes pendakwaan. Fakta bahawa mahkamah ini telah mengetepikan perintah hakim bicara dalam rayuan terdahulu jelas menunjukkan bahawa mahkamah ini telahpun menolak alasan-alasan yang telah diberikan sedemikian.
>
> [54] Pada hemat kami hakim bicara tidak boleh sekali lagi menggunakan alasan yang sama sebagai asas untuk membebas dan melepaskan tertuduh melainkan pihak pembelaan telah mengemukakan keterangan yang boleh diterima oleh mahkamah bagi menunjukkan dengan mencukupi bahawa pemberi maklumat sebenarnya telah bertindak sebagai penyamar sulit yang menyebabkannya hilang perlindungan di bawah s 40(1) Akta. Dalam rayuan sekarang ini, pihak ...

[22] Di dalam alasan penghakiman hakim bicara (di ms. 9 hingga 61 rekod rayuan jld. 1), hakim bicara tersebut tidak bersetuju bahawa setelah Mahkamah Rayuan memerintahkan pembelaan dipanggil ini bermaksud anggapan di bawah s. 50(1) Akta SPRM 2009 terpakai. Di perenggan 32 alasan penghakiman, hakim bicara menyatakan seperti berikut:

> 32. Justeru, Mahkamah ini tidak bersetuju dengan pihak pendakwaan apabila berhujah bahawa, "OKT telah diperintahkan membela diri oleh Mahkamah Rayuan dan dengan ini anggapan di bawah s.50 ASPRM 2009 terpakai"; ini kerana pihak pendakwaan berkewajipan untuk membuktikan

A semua intipati/elemen dalam pertuduhan terhadap OKT sehingga tiada keraguan munasabah. Adalah trite law bahawa tiada beban untuk OKT membuktikan bahawa dia tidak bersalah.

[23] Dengan hormatnya, hakim bicara telah tersalah arah mengenai prinsip undang-undang berkaitan dengan pematuhan terhadap keputusan mahkamah B atasan dan juga terkhilaf mengenai prinsip beban pembuktian dalam mana terdapat anggapan statutori terpakai terhadap seseorang tertuduh. Seterusnya di perenggan 33 penghakiman hakim bicara tersebut sekali lagi telah tersalah arah mengenai prinsip undang-undang yang sama apabila hakim bicara menyatakan "pendakwaan menghujahkan bahawa anggapan di bawah C undang-undang iaitu s. 50 ASPRM 2009 adalah terpakai ke atas OKT sungguhpun mahkamah ini berpendapat sebaliknya. Mahkamah ini berpendapat, sekiranya tiada kes *prima facie* dibuktikan maka anggapan bahawa OKT dianggap telah memperolehi wang suapan RM2,000 secara rasuah adalah tidak terpakai, dan sekiranya pembelaan dipanggil, beban D pembelaan cukup dengan menimbulkan keraguan yang munasabah di atas imbangan kebarangkalian dan tiada beban untuk mematahkan anggapan pada tahap imbangan kebarangkalian". Hakim bicara telah salah arah mengenai beban pembuktian dan juga gagal mematuhi keputusan mahkamah atasan yang membuat keputusan wujud kes *prima facie* terhadap responden. Hakim bicara juga telah terkhilaf pada peringkat akhir kes pendakwaan apabila E memutuskan anggapan tidak terpakai secara automatik sedangkan terdapat keterangan kukuh melalui SP6 yang disokong oleh keterangan SP1 bahawa wang bertanda RM2,000 telah diserahkan ke tangan responden dan wang yang sama kemudiannya diperolehi dari dalam bilik yang didiami oleh responden bersama dua lagi.

F

[24] Seterusnya di perenggan 37, 38 dan 39 penghakiman beliau, hakim bicara masih berpegang kepada dapatan awal beliau bahawa saksi-saksi SP1 dan SP6 adalah saksi-saksi yang tidak berkredibel oleh kerana terdapat percanggahan dalam keterangan mereka. Hakim bicara juga berpegang kepada dapatan awal beliau bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk G membuktikan kes *prima facie* atas alasan wujud keraguan dan lompang dalam kes pendakwaan. Ini menunjukkan hakim bicara yang tidak akur dengan dapatan dan keputusan yang telah dibuat oleh Mahkamah Rayuan mengenai isu-isu yang sama. Oleh kerana terdapat beberapa salah arah oleh hakim bicara, keputusan hakim bicara dalam melepas dan membebaskan responden H wajar diketepikan.

[25] Selepas mendengar pembelaan responden, tugas hakim bicara adalah untuk membuat penilaian di tahap imbangan kebarangkalian sama ada keterangan pihak pembelaan telah berjaya mengakas anggapan statutori di bawah s. 50(1) Akta SPRM 2009. Perkara ini seperti diputuskan oleh I Mahkamah Rayuan dalam kes *PP v. Ku Yahya Ku Bahari & Anor* [2002] 1 CLJ

113. Beban untuk mematahkan anggapan statutori tersebut adalah atas imbangan kebarangkalian dan beban ini adalah lebih berat daripada beban menimbulkan keraguan yang munasabah. Hakim bicara juga wajar menimbangkan sama ada responden telah memberikan penjelasan yang jujur tentang penerimaan wang RM2,000. Hakim bicara sebaliknya menyatakan bahawa wang tidak ditemui pada badan responden maka anggapan statutori tidak terpakai. Hakim bicara langsung tidak mempedulikan keterangan SP1 yang menyokong keterangan SP6 bahawa wang RM2,000 telah berpindah tangan kepada responden. Responden telah menerima wang tersebut dan responden telah meletakkan wang itu ke dalam laci meja beliau. Persoalan bagaimana wang itu kemudiannya dijumpai dalam beg CD hanya responden yang dapat menjelaskannya. Responden ada masa untuk memindahkan wang itu dari laci ke dalam beg CD tersebut oleh kerana faktor jarak yang berdekatan dan di dalam bilik yang sama. Perkara ini langsung tidak dipertimbangkan oleh hakim bicara yang bijaksana. Mahkamah ini bersetuju dengan keputusan oleh Mahkamah Rayuan bahawa *factum* of payment telah dibuktikan melalui keterangan saksi SP6, SP1 dan SP10. Setelah pembayaran/penerimaan wang telah dibuktikan maka anggapan statutori di bawah s. 50(1) Akta SPRM 2009 terpakai secara otomatik.

[26] Dalam kes *Thavanathan Balasubramaniam v. PP* [1997] 3 CLJ 150, Mahkamah Persekutuan telah membuat keputusan seperti berikut:

> … once it was proved that the money RM15,000 had been given or received by the accused, the presumption under s.14 of the Prevention of Corruption Act 1961 arose that the money had been given corruptly as an inducement or reward to acquit and discharge PW2 of the offence in the criminal case, and it was for the accused to give an innocent explanation, which the court considered more likely than not that it was true; i.e. on a balance of probabilities, the test applied in civil proceedings: *PP v. Yuvaraj* [1969] 2 MLJ 89 (PC).

[27] Beban untuk mematahkan anggapan statutori tersebut terletak atas bahu responden. Responden dikehendaki memberikan keterangan yang mencukupi untuk meyakinkan mahkamah mengenai kebolehpercayaan akan keterangannya; dan bukan hanya setakat memberi keterangan bersifat penafian semata-mata, bersifat rekaan serta tidak juga bersifat satu pemikiran yang terkemudian. Pembelaan yang bersifat penafian, rekaan dan pemikiran terkemudian tanpa sebarang butir-butir yang mencukupi tidak akan dapat membebaskan responden daripada pertuduhan.

[28] Dalam kes *Attan Abdul Gani v. PP* [1969] 1 LNS 12; [1970] 2 MLJ 143, Hakim Sharma (ketika itu) telah memutuskan seperti berikut:

> The presumption at once arises under the section. This presumption is a presumption of law and it is obligatory on the court to raise it in every proceeding for an offence under section 3 or 4 of the Act provided it is proved that the gratification had been paid, given or received. The

A prosecution has not to establish anything more than the payment of money (See *State of Madras v. Vaidyanatha Iyer* and *Emden v. State of Uttar Pradesh*). It then becomes the duty of the accused to disprove what section 14 begins to presume against him... The presumption cannot be said to have been rebutted without sufficient evidence, i.e. such evidence as is reasonably sufficient to invite belief in its probable truthfulness. It was B very strongly urged that as the defence was one of non-receipt of the money there was no onus on the appellant to prove "the contrary" suggested in section 14. The argument is fallacious because the presumption comes into operation only when the *factum* of payment is proved as it was to the satisfaction of the learned president in this case. If payment is not proved the presumption is not arise and consequently C there is nothing which the accused is required to prove to the contrary.

[29] Hakim bicara telah terkhilaf dalam menolak keputusan Mahkamah Rayuan yang memutuskan anggapan statutori terpakai. Hakim bicara terkhilaf apabila memutuskan anggapan di bawah s. 50(1) Akta SPRM 2009 D tidak terpakai dalam kes ini. Hakim Syed Agil Barakbah (ketika itu) dalam kes *Che Din Ahmad v. PP* [1975] 1 LNS 7; [1976] 1 MLJ 289 telah membuat keputusan seperti berikut mengenai isu yang sama:

Under the Act it is incumbent on the prosecution to prove, *inter alia*, that the appellant did actually receive the gratification before the presumption E under s 14 that the gratification has been received corruptly is invoked. Then the onus is on the appellant to prove to the contrary according to the principle adopted by the Privy Council in *Public Prosecutor v. Yuvaraj* [1969] 2 MLJ 89. It is not incumbent on the prosecution to prove that the money was subsequently found in the possession of the appellant so long as the trial court satisfied from the evidence that it was the appellant who F received the money.

[30] Hakim bicara dalam kes ini turut terkhilaf apabila memberi penekanan yang lebih terhadap isu akses kepada beg CD, lokasi sebenar dan pelan lakar tempat transaksi penyerahan wang dan sebaliknya gagal merujuk kepada keterangan langsung dan kukuh yang telah diberikan oleh saksi-saksi SP1, G SP6 dan SP10 mengenai serahan wang dan penjumpaan wang bertanda dalam bilik responden. Tempat di mana wang kemudiannya ditemui adalah tidak berkaitan dengan pertuduhan apabila terdapat bukti kukuh mengenai pembayaran/penerimaan wang oleh responden dalam kes ini. Penemuan semula wang RM2,000 tersebut adalah merupakan keterangan sokongan terhadap wang bertanda yang telah diterima oleh responden. Dapatan hakim H bicara bahawa terdapat keraguan dan lompang dalam kes pendakwaan mengenai isu pembayaran wang adalah tidak berasas dan satu dapatan yang berdasarkan kepada "entertain imaginery doubt" yang tidak sewajarnya dilakukan pihak hakim bicara.

I

[31] Hujahan puan TPR seterusnya adalah berkaitan dengan pembelaan responden. Hakim bicara telah terkhilaf apabila gagal untuk mengambil kira bahawa pembelaan responden adalah bersifat penafian semata-mata dan bercorak pemikiran terkemudian. Pihak pembelaan juga telah gagal untuk mematahkan anggapan statutori di bawah s. 50(1) Akta SPRM 2009. Pertamanya, responden menafikan beliau telah menerima wang bertanda RM2,000 daripada SP6. Responden menyatakan sehari sebelum kejadian SP6 telah berjumpa beliau dalam keadaan marah-marah dan menawarkan wang sogokan bagi melepaskan dua orang pekerja beliau. Responden menyatakan dia menyuruh SP6 untuk datang keesokan harinya (30 November 2010). Pada keesokan hari SP6 telah datang bersama SP1. SP6 ada membawa sebuah fail (D21) dan fail itu tertinggal di bilik responden. SP1 telah keluar dulu dari bilik beliau. Kesemua apa yang dikatakan oleh responden tersebut tidak pernah disoal atau di'put' kepada SP1 atau SP6 semasa dua saksi tersebut memberikan keterangan. Oleh itu pembelaan responden adalah berbentuk penafian kosong semata-mata dan selebihnya adalah satu pemikiran terkemudian. Walaupun begitu hakim bicara dalam penghakimannya menyatakan seperti berikut:

> 63. Mahkamah berpendapat bahawa pembelaan OKT bukanlah direka-reka atau merupakan suatu 'afterthought' sebagaimana yang dihujahkan oleh pihak pendakwaan, kerana pembelaan tersebut selari dan konsisten dengan keseluruhan kes pihak pendakwaan lagi ...

[32] Jelas sekali hakim bicara telah tersalah arah dalam menilai dan menerima keterangan membela diri responden sedangkan pembelaan responden bersifat penafian dan pemikiran terkemudian. Pembelaan responden sebenarnya telah gagal untuk menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kebenaran kes pihak pendakwaan. Hakim bicara seterusnya menyatakan ada keraguan terhadap penyerahan wang RM2,000 oleh SP6 sedangkan saksi SP1, seorang pegawai kanan SPRM telah menyaksikan sendiri serahan wang bertanda tersebut. Tambahan lagi Mahkamah Rayuan turut berpuas hati bahawa kes *prima facie* telah berjaya dibuktikan namun hakim bicara masih berpegang kepada keputusan awal yang memutuskan sebaliknya.

[33] Responden turut menyatakan bahawa SP6 mempunyai motif untuk mengenakan beliau oleh kerana pertengkaran antara SP6 dengan beliau telah berlaku sehari sebelum kejadian. Isu motif dan pertengkaran yang berlaku pada 29 November 2010 hanya ditonjolkan semasa kes pembelaan. Isu pertengkaran ini tidak pernah timbul semasa kes pendakwaan, malahan tidak pernah dicadangkan kepada SP6. Sekiranya isu ini penting bagi kes pembelaan maka sepatutnya isu motif tersebut ditimbulkan semasa kes pendakwaan lagi agar SP6 dapat diberikan peluang untuk menjelaskan kepada mahkamah. Apa yang dicadangkan oleh peguambela hanyalah bahawa pada 29 November 2010 SP6 ada menawarkan RM500 kepada responden yang dinafikan. Disebabkan tawaran wang oleh SP6 kepada

responden, jika benar berlaku, tidak menjadikan SP6 sebagai seorang saksi yang tidak berkredibel. Faktor itu juga tidak boleh menjadikan alasan menolak keseluruhan keterangan yang diberikan oleh saksi SP6 tersebut. Perkara ini seperti dinyatakan di bawah s. 52(1) dan (2) Akta SPRM 2009.

[34] Dalam kes *Md Razib Othman v. PP* [Rayuan Jenayah MTKL No. 42A-29-2001], YA Hakim Ahmad Hj Maarop HMR (sekarang HMP) dalam menyampaikan keputusan mahkamah rayuan telah membuat keputusan seperti berikut:

> Kesimpulan yang boleh dibuat dari kes-kes yang tersebut terutama kes *DAIMON BIN BANDA* ialah bahawa di bawah seksyen 18 APR 1961 (bersamaan dengan s 44 APR 1997) memberi rasuah sahaja tidak menjadikan seseorang saksi itu dianggap unworthy of credit, melainkan dia juga telah mengambil bahagian yang aktif (infamous conduct) untuk merasuah seseorang penjawat awam. Jika apa yang dilakukannya hanyalah memberi rasuah, Mahkamah boleh, dalam menjalankan budibicaranya bertindak atas keterangan saksi itu tanpa sokongan jika dalam keadaan kes itu Mahkamah itu berpuas hati bahawa adalah selamat untuk berbuat demikian (lihat *Soosay Dass v. PP* [1951] MLJ 57, 58).
>
> APR 1997 tidak mengekalkan peruntukan di bawah seksyen 18 APR 1961. Sebaliknya APR 1997 telah mengadakan peruntukan di bawah seksyen 44. Seperti yang dapat dilihat, peruntukan di bawah seksyen 44(1)(a) APR 1997 adalah jauh lebih luas dari peruntukan di bawah seksyen 18 APR 1961. Di bawah seksyen 18 APR 1961, seseorang saksi itu tidaklah boleh dianggap tidak boleh dipercayai semata-mata kerana dia telah membuat bayaran rasuah. Seksyen 44(1)(a) tidak lagi menggunakan perkataan "no witness shall be presumed to be unworthy of credit". Sebaliknya, seksyen tersebut menggunakan perkataan-perkataan "tiada saksi boleh dianggap sebagai rakan sejenayah hanya semata-mata kerana …" Ini adalah perbezaan pertama yang amat ketara di Antara seksyen 18 APR 1961 dan seksyen 44(1)(a) APR 1997 …

[35] Bagi kes terhadap responden, s. 52 Akta SPRM 2009 mempunyai peruntukan yang serupa dengan APR 1997. Seksyen 52 memperuntukkan seperti berikut:

> 52.(1) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis atau rukun undang-undang yang berlawanan, dalam mana-mana prosiding terhadap mana-mana orang atas sesuatu kesalahan di bawah Akta ini:
>
> (a) tiada saksi boleh dianggap sebagai rakan sejenayah hanya semata-mata kerana saksi itu:
>
> (i) menyetuju terima, menerima, memperoleh, meminta, bersetuju untuk menyetuju terima atau menerima, atau cuba untuk memperoleh apa-apa suapan daripada mana-mana orang;
>
> (ii) memberikan, menjanjikan, menawarkan atau bersetuju untuk memberikan apa-apa suapan; atau

(iii) telah dengan apa-apa cara terlibat dalam pelakuan kesalahan itu atau tahu tentang pelakuan kesalahan itu;

(b) ...

(c) ...

(2) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis atau rukun undang-undang yang berlawanan, sesuatu sabitan atas apa-apa kesalahan di bawah Akta ini yang berasaskan semata-mata pada keterangan tanpa sokongan mana-mana rakan sejenayah atau ejen provokasi tidaklah tidak sah dan tiada sabitan sedemikian boleh diketepikan hanya kerana Mahkamah yang membicarakan kes itu telah tidak menyebut dalam alasan penghakimannya keperluan supaya mengingatkan dirinya tentang bahaya membuat sabitan berdasarkan pada keterangan sedemikian.

[36] Jelas s. 52 tersebut mengandungi peruntukan yang cukup luas. SP6 yang dikatakan telah cuba untuk menawarkan wang rasuah pada 29 November 2010 dan kemudiannya telah menyerahkan RM2,000 kepada responden pada hari kejadian tidak boleh dicap sebagai rakan sejenayah. Jika sekali pun SP6 seorang rakan sejenayah atas alasan SP6 telah memainkan peranan yang aktif, sabitan terhadap responden tidak boleh diketepikan semata-mata atas alasan keterangan SP6 tidak disokong dan hakim bicara tidak mengingatkan dirinya tentang bahaya sabitan berdasarkan kepada keterangan SP6 semata-mata. Walau apapun, dalam kes ini, keterangan SP6 telah disokong oleh keterangan SP1 yang menyaksikan serahan wang bertanda kepada responden dan juga disokong oleh keterangan SP10 bahawa wang itu telah kemudiannya dijumpai di dalam bilik responden.

[37] Hakim bicara juga gagal membuat pertimbangan secara maksima keseluruhan keterangan saksi-saksi termasuk keterangan saksi-saksi pembelaan. Hakim bicara tidak mempercayai keterangan SP6 dan SP1. Sebaliknya hakim bicara telah menerima keterangan saksi pembelaan SD2 dan SD3 sedangkan kedua-dua saksi pembelaan itu tidak menyaksikan kejadian. Walhalnya saksi SP6 telah disaksikan oleh SP1, pegawai kanan SPRM. Hakim bicara telah membuat penilaian yang salah terhadap kredibiliti saksi-saksi dalam kes ini apabila memberi kepercayaan melampau kepada saksi-saksi pembelaan yang tidak menyaksikan penyerahan wang, sebaliknya hanya mendengar perbualan SP6 dengan responden dengan tidak sepenuhnya.

[38] Hakim bicara menyatakan terdapat motif SP6 untuk menyogok responden. Dapatan ini juga tidak berasas. Tidak ada keterangan kukuh untuk menunjukkan niat SP6 untuk menyogok responden. Malahan semasa SP6 disoal balas oleh peguambela pihak responden, telah mengesyorkan bahawa wujud rundingan di antara SP6 dengan responden tentang jumlah wang yang diminta oleh responden daripada SP6 untuk membebaskan dua pekerja SP6. Ini dapat dilihat dalam nota keterangan di ms. 156, 165 dan 176 rekod rayuan jld. 1, seperti berikut:

A S: Saya katakan perkara pengurangan sogokan tersebut, telah diputuskan pada tarikh 27.11.2010 dan bukan tarikh 29.11.2010?

J: Ya, tapi syarikat kita masih nak kurangkan duit daripada OKT.

...

B S: Setuju bahawa semasa pertemuan kamu ada minta OKT lepaskan pekerja kamu yang ditahan?

J: Ya saya ada cakap.

...

C S: Tadi kamu kata bahawa bila OKT minta wang rasuah tersebut dari poket kanan dengan tangan kanan dan serahkan kepada OKT, setuju?

J: Ya.

[39] Beban untuk membuktikan motif terletak atas bahu pihak pembelaan
D dalam kes ini. Pihak pembelaan yang menimbulkan isu motif semasa kes pihak pembelaan. Isu yang sama tidak pernah ditimbulkan oleh pihak pembelaan semasa kes pihak pendakwaan. Dalam kes yang diputuskan oleh Mahkamah di Singapura, *Gan Too Cheh v. PP* [2006] SGHC 23, Yung Pung How CJ telah membuat keputusan seperti berikut:

E [23] Since the defence did not adduce sufficient evidence of Ponirah's alleged motive to frame appallent, it was unnecessary for the prosecution to prove a lack of such motive in the present case. With respect, counsel appeared to have misunderstood the statement in *Khoo Kwoon Hain v PP supra* [17] at 781 ... As I clarified in *Goh Han Heng v PP* [2003] 4 SLR 374 at [33], the passage in *Khoo Kwoon Hain v PP* from which that statement
F was lifted simply means that:

> [W]ere the accused can show that the complainant has a motive to false implicate him, then the burden must fall on the prosecution to disprove that motive. This does not mean that the accused merely needs to allege that the complainant had a motive to falsely
G implicate him. Instead, the accused must adduce sufficient evidence of this motive so as to raise reasonable doubt in the prosecution's case. Only then would the burden of proof shift to the prosecution to prove that there was no such motive.

[40] Hakim bicara menyatakan pengemukaan D21 oleh pihak pembelaan
H semasa kes pembelaan bukanlah suatu yang direka dan bukan bersifat pemikiran terkemudian dan tidak bertentangan dengan keterangan yang ada. Walau bagaimanapun D21 tidak pernah ditimbulkan sewaktu kes pendakwaan. Tidak ada sebarang pertanyaan tentang D21 kepada SP6. Oleh itu jelas isu berkaitan dengan D21 adalah satu pemikiran terkemudian.

I **[41]** Keputusan hakim bicara dalam melepas dan membebaskan responden daripada pertuduhan adalah bertentangan dengan keberatan keterangan yang dikemukakan di hadapan hakim bicara tersebut. Hakim bicara telah gagal

dalam membuat pertimbangan maksima keseluruhan keterangan yang ada dalam mencapai keputusan yang tidak menyebelahi pihak pendakwaan dalam kes ini. Hakim bicara telah menggunakan prinsip undang-undang dengan salah dan telah tersalah arah dalam banyak perkara terutama mengenai beban pembuktian. Keputusan hakim bicara dalam melepaskan responden tidak dapat dipertahankan.

[42] Setelah mengkaji semula keterangan membela diri dan keterangan saksi-saksi pembelaan bersama dengan keterangan saksi-saksi pendakwaan, mahkamah ini berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan pertuduhan terhadap responden melampaui sebarang keraguan yang munasabah. Oleh itu keputusan hakim bicara diketepikan dan digantikan dengan keputusan bahawa responden didapati bersalah dan disabitkan atas pertuduhan.

[43] Setelah menimbangkan semua faktor terutama faktor kepentingan awam, keseriusan kesalahan yang telah dilakukan, faktor-faktor mitigasi serta hujahan pemberatan hukuman oleh puan TPR, saya menjatuhkan hukuman dua tahun penjara ke atas responden dan denda RM10,000 jika gagal lima bulan penjara. Saya berpendapat hukuman itu adalah munasabah dan setimpal dalam keadaan kes ini.

[44] Atas permohonan oleh peguambela responden, saya telah membenarkan hukuman ke atas responden ditangguhkan sehingga rayuan responden di Mahkamah Rayuan dilupuskan. Penggantungan hukuman dibenarkan atas bon jaminan yang bercagar.